



KENYATAAN MEDIA

KES OKU DIPUKUL BERAMAI-RAMAI DI KEMAMAN

PUTRAJAYA, 21 JANUARI – Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kesal dengan kejadian seorang individu Orang Kurang Upaya (OKU) dipukul beramai-ramai di Pasar Tani Padang Astaka pada 17 Januari 2025. Perkara ini adalah sangat tidak berperikemanusiaan dan berada di luar batas tatasusila kehidupan bermasyarakat yang diamalkan di negara ini.

Melalui semakan, penama merupakan Pemegang Kad OKU Kategori Mental yang telah mendapat kelulusan Kad OKU pada 19 Mac 2023.

JKM berterima kasih kepada pihak Polis Diraja Malaysia atas tindakan pantas yang telah diambil serta berharap siasatan dapat diselesaikan segera dan pesalah dikenakan hukuman.

JKM melalui Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) Kemaman telah memberi bantuan Intervensi Krisis dan Sokongan Psikologi (IKSP) kepada keluarga mangsa melalui sesi kaunseling bagi membantu menstabilkan emosi keluarga yang terjejas akibat kejadian ini.

JKM sekali lagi menzahirkan rasa simpati kepada mangsa dan akan terus memberikan sokongan kepada keluarga mangsa. JKM juga ingin mengucapkan tahniah kepada rakyat Malaysia yang bersolidariti menzahirkan rasa simpati kepada OKU yang teraniaya ini. Sifat ihsan sebegini harus ditanam dalam diri setiap individu supaya tiada yang akan melakukan tindakan diluar batas kemanusiaan kepada sesiapaapun di masa hadapan.

**UNIT PERHUBUNGAN AWAM
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
21 JANUARI 2025**